



KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA

**KENYATAAN MEDIA**

**PENGURUSAN OPERASI TASKA GENIUS PERPADUAN DI  
SELURUH MALAYSIA BAGI TAHUN 2021**

---

**3 Januari 2021, Putrajaya** – Kementerian Perpaduan Negara akan memulakan operasi bagi Taska Genius Perpaduan bagi tahun 2021 secara berperingkat mengikut Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Tarikh permulaan operasi ini juga adalah serentak dengan tarikh pembukaan TASKA di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan KEMAS di negeri dan daerah masing-masing.

2. Tarikh-tarikh pembukaan Taska Genius Perpaduan Negara di seluruh Malaysia adalah seperti berikut:

- i. **Negeri Kedah, Johor, Terengganu dan Kelantan** – Bermula pada **3 Januari, 2021**
- ii. **Perlis, Pulau Pinang, Perak, Melaka, Pahang, Sabah, Sarawak & Daerah Jempol, Negeri Sembilan** – Bermula pada **4 Januari 2021**
- iii. **Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Daerah Seremban, Negeri Sembilan** – Bermula pada **15 Januari, 2021**
- iv. **Wilayah Persekutuan Labuan** – Bermula **11 Januari 2021** dan setiap guru hendaklah menjalani ujian COVID-19 sebelum dibenarkan ke Taska Genius Perpaduan, seperti yang diarahkan oleh KKM.

3. Menurut Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique pembukaan Taska Genius Perpaduan diharapkan akan dapat membantu ibu bapa yang juga telah memulakan waktu kerja secara normal dan memerlukan penjagaan anak-anak semasa mereka berada di tempat kerja. Beliau juga mengingatkan ibu bapa yang menghantar anak-anak ke Taska Genius Perpaduan agar mematuhi SOP yang telah ditetapkan, mengamalkan norma baharu dan sentiasa mengutamakan kebersihan diri.
4. Kementerian Perpaduan Negara akan memastikan semua Taska Genius Perpaduan mematuhi Garis Panduan Pencegahan Penularan Covid-19 Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Bagi Keselamatan Warga Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan arahan semasa oleh MKN dan KKM di dalam menjalankan operasi.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

3 Januari 2021

**-TAMAT-**

***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

**Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel +603 8091 8041  
Fax +603 8888 8568 / 569  
E-mail : [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)  
No rujukan: KPN.UKK.100-2/1/4 ( 35 )